

Perlu dasar takaful tegas, proaktif urus risiko penuaan rakyat

● Rakyat hidup lebih lama, kos kesihatan dan penjagaan jangka panjang meningkat serta tempoh persaraan menjadi lebih panjang

● Kombinasi risiko penuaan dan jurang perlindungan insurans/ takaful memberi kesan besar serta boleh menjadi risiko ekonomi sistemik



Oleh Prof Madya Dr Mohd Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Malaysia menjadi negara menua sejak 2021 dan hakikat demografi ini tidak dapat dielakkan. Namun, risiko sebenar bukan sekadar peningkatan bilangan warga emas.

Risiko yang lebih besar ialah Malaysia berpotensi menua tanpa perlindungan kewangan mencukupi, lalu mewujudkan risiko berganda kepada prestasi ekonomi negara iaitu penuaan dan jurang perlindungan insurans atau takaful besar.

Risiko penuaan merujuk kepada cabaran ekonomi apabila sebahagian penduduk berusia meningkat lebih cepat berbanding kumpulan usia produktif, lalu menekan produktiviti, pertumbuhan dan fiskal negara.

Data Jabatan Perangkaan menunjukkan komposisi penduduk 65 tahun ke atas meningkat daripada 7.6 peratus pada 2024 kepada 8.0 peratus pada 2025. Pada masa sama, nisbah tanggungan warga emas meningkat kepada 11.4 pada 2025, berbanding hanya 10.9 pada 2024.

Ini bermaksud bagi setiap 100 penduduk usia bekerja, terdapat kira-kira 11 warga emas perlu ditanggung, sekali gus menunjukkan peningkatan beban sokongan ekonomi dan sosial terhadap populasi produktif.

Walaupun nisbah tanggungan keseluruhan sedikit menurun kepada 42.1 (2025) daripada 42.5 pada 2024 kerana penurunan nisbah tanggungan muda, trend penuaan jelas meningkat dan akan terus menekan ekonomi apabila bahagian warga emas semakin besar.

Penuaan berlaku serentak dengan peningkatan jangka hayat. Jabatan Perangkaan melaporkan jangka hayat ketika lahir bagi bayi lahir pada 2024 ialah 75.2 tahun iaitu 73.0 tahun bagi lelaki dan 77.8 tahun untuk perempuan.

Ini perkembangan positif dari sudut kesejahteraan, namun membawa risiko dan implikasi kewangan seperti rakyat hidup lebih lama, kos kesihatan dan penjagaan jangka panjang meningkat serta tempoh persaraan menjadi lebih panjang.

Sejajar dengan itu, risiko kedua iaitu jurang perlindungan insurans atau takaful menjadi lebih kritikal. Jurang perlindungan ini merujuk kepada perbezaan antara kerugian sebenar akibat kejutan seperti penyakit kritikal, kemalangan, kos rawatan, penjagaan usia tua dengan perlindungan wujud melalui insurans atau takaful.

Dari sudut liputan insurans hayat, data industri menunjukkan kadar penembusan sekitar 58.6 peratus pada 2023, bermakna lebih 40 peratus masih tiada perlindungan hayat memadai. Dalam ekosistem takaful pula, laporan Bank Negara Malaysia (BNM) memaparkan kadar penembusan takaful keluarga sekitar 19.6 peratus pada 2024.

Selain itu, petunjuk keterangkuman kewangan BNM menunjukkan peratus dewasa mempunyai polisi insurans hayat/takaful berada sekitar 57.5 peratus jika mengikut data akhir 2023.

Angka ini membawa satu mesej, pada saat Malaysia sedang mengalami negara menua, perlindungan risiko kesihatan dan kehidupan belum cukup meluas dan mendalam untuk menampung risiko usia tua, terutama bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana yang paling terdedah kepada kejutan kos perubatan serta kehilangan pendapatan.

Kombinasi risiko penuaan dan jurang perlindungan insurans/ takaful memberi kesan besar serta boleh menjadi risiko ekonomi sistemik.

● **Pertama**, risiko pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mungkin menjadi lebih perlahan. Unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi Malaysia menunjukkan pertumbuhan KDNK benar sekitar 4.3 peratus bagi 2026.

Namun, isu penuaan ialah risiko struktur jangka panjang dan Bank Dunia menegaskan pengecilan relatif populasi usia bekerja dan pertumbuhan penduduk lebih perlahan menyumbang kepada sebahagian besar penurunan pertumbuhan KDNK menjelang 2050.

● **Kedua**, tekanan fiskal meningkat. Apabila lebih ramai warga emas memerlukan rawatan dan penjagaan, perbelanjaan kesihatan dan bantuan sosial cenderung meningkat.

Jika perlindungan insurans/takaful tidak mencukupi, beban kos rawatan mudah berpindah daripada individu kepada sistem awam. Kesannya, ia akan menekan belanjawan negara.

● **Ketiga**, produktiviti dan pelaburan isi rumah terjejas. Tanpa perlindungan, isi rumah cenderung menggunakan simpanan untuk kos rawatan dan penjagaan, mengurangkan perbelanjaan produktif, pendidikan anak dan pelaburan jangka panjang. Ini memberi kesan kepada permintaan domestik dan kitaran pertumbuhan.

● **Keempat**, ketidakseimbangan melebar. Mereka yang mempunyai perlindungan dan simpanan kukuh mampu mengurus risiko manakala yang tiada perlindungan pula mudah jatuh ke dalam kitaran rentan dan jurang sosio-ekonomi melebar.

Buat analisis perbandingan

Malaysia memerlukan tindakan dasar tegas dan proaktif, bukan sekadar kempen kesedaran. Inisiatif Insurance/Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT) dilancarkan pada 22 Januari lalu mencerminkan

peralihan ke arah pendekatan lebih intervensif dalam perlindungan kesihatan.

Namun, impaknya bergantung kepada ketelitian reka bentuk dan pelaksanaan, khususnya dalam aspek sasaran, kemampuan bayaran dan kesan fiskal jangka panjang.

Sehubungan itu, pelaksanaannya wajar diperhalusi melalui analisis perbandingan dengan negara memiliki sistem perlindungan kesihatan lebih stabil dan menyeluruh, supaya amalan terbaik dapat dikenal pasti dan disesuaikan dengan konteks institusi serta kapasiti fiskal Malaysia.

Selain itu, pembabitan majikan perlu diperkukuh melalui gabungan insentif bersasar dan piawaian perlindungan minimum jelas, khususnya bagi pekerja berpendapatan sederhana dan sektor ekonomi gig, bagi menggalakkan peluasan perlindungan kesihatan serta persaraan tanpa pergantungan sepenuhnya kepada perbelanjaan awam.

Strategi peningkatan produktiviti nasional perlu dipercepatkan melalui automasi terpilih dan program latihan semula berasaskan keperluan industri supaya penyusutan tenaga kerja muda tidak terus menjejaskan kapasiti pengeluaran ekonomi.

Akhir sekali, risiko penuaan perlu diuruskan secara menyeluruh dalam perancangan fiskal jangka panjang, termasuk melalui unjuran kos penjagaan kesihatan dan perlindungan sosial berasaskan senario, bagi membolehkan pelarasan dasar dibuat lebih awal tanpa menghasilkan kejutan fiskal pada masa hadapan.

Malaysia sedang bergerak pantas ke arah negara tua, tetapi sistem perlindungan kewangan belum bergerak secepat itu. Jika jurang perlindungan dan risiko penuaan tidak ditangani secara serius hari ini, kosnya akan ditanggung generasi produktif esok.

Perlindungan kesihatan dan kewangan bukan lagi isu kebajikan semata-mata tetapi pelaburan strategik untuk kestabilan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

